

Kutipan RM25,000 untuk Mykasih

PRODUK penjagaan kebersihan diri, Dettol menghulurkan sumbangan sebanyak RM25,000 kepada badan amal, Mykasih melalui program *Mykasih Love My Neighbourhood* minggu lalu.

Segala sumbangan itu diperoleh melalui kempen pembelian produk Dettol bernilai RM20 di mana-mana kedai Giant dan jenama itu menyumbangkan 50 sen daripadanya kepada Mykasih.

Pengarah Jualan Reckitt Benckiser, Raghu Krishnan berkata, kempen yang diadakan sungguh bermakna kerana ia mampu memberi kegembiraan pada mereka yang memerlukan.

Pengurus Besar Pemasaran GCH Retail, Norine Majaman pula berkata, sambutan terhadap kempen itu menggalakkan dan berharap akan lebih banyak lagi kempen sebegini diadakan dalam usaha membantu golongan kurang bernasib baik.

Sementara itu, pada majlis penyerahan sumbangan, seramai 35 kanak-kanak dari Mykasih membuat demonstrasi cara-cara mencuci tangan dengan betul. Turut menyertai demonstrasi, beberapa selebriti iaitu Azura Zainal, Siti Saleha, Gabriella Robinson dan Chloe Chen.



Kanak-kanak Mykasih mempamerkan tangan bersih selepas demostrasi mencuci tangan bersama selebriti.